

Chem-E Car uji kreativiti pelajar kejuruteraan kimia

KEMAMAN 5 April – Pertandingan Chem-E Car Malaysia Ke-13 selama dua hari yang berlangsung di sini baru-baru ini mendapat sambutan cukup memberangsangkan dengan penyertaan lebih 60 pasukan yang mewakili 25 institusi pendidikan tinggi dari dalam dan luar negara.

Buat julung kalinya, Kolej Universiti TATI (TATIUC) diberikan tanggungjawab sebagai tuan rumah dalam kejohanan berprestij itu yang dianjurkan Institut Jurutera Malaysia (IEM) bersama Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia (FTKK) TATIUC.

Chem-E Car merupakan pertandingan mereka cipta bagi menguji kemampuan dan daya kreativiti pelajar kejuruteraan kimia secara berkumpulan dalam cabaran mereka cipta dan membentuk sebuah kereta mini yang digerakkan sumber kuasa alternatif.

Juara kategori utama (pertan-

dingan kereta) dirangkul oleh kumpulan Maximus dari Universiti UCSI manakala naib johan disandang kumpulan Reactics Flimo dari Universitas Gadjah Mada, Indonesia dan ke-3 Spektronics 15 dari Institut Teknologi Sepuluh Nopember Surabaya.

Di tangga keempat hingga 10 pula ialah kumpulan The Last Jedi (Universiti Kebangsaan Malaysia); Scandium Nova (Universiti Teknologi Petronas); Reactics Bathara (Universitas Gadjah Mada), NAYAKA (Universitas Indonesia); 1719 (Universiti Kebangsaan Malaysia); Mercurian (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan T.R.E.X (Heriot Watt University).

Dalam pertandingan itu, peserta harus menyelesaikan dua rintangan iaitu memasukkan bola ke dalam gawang dengan membawa muatan 100ml air pada jarak 4.5 meter di litar pertama di samping

menjatuhkan pin boling dengan membawa muatan 75ml air pada jarak 4 meter di litar kedua.

Kategori poster pula dimenangi pasukan Chemikel X dari Heriot Watt University, disusuli Reactics Flimo dari Universitas Gadjah Mada, Indonesia manakala tempat ketiga, pasukan Eustass M dari Diponegoro University.

Penyampaian hadiah kepada pemenang disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sains, Teknologi dan Transformasi negeri, A. Latiff Awang.

Yang turut hadir, Rektor TATIUC, Prof. Madya Dr. Mohd Zamri Ibrahim; Timbalan Presiden IEM, Ir. Prof. Dr. Jeffry Chiang Choong Luin; Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Chem-E Car 2018, Prof. Madya Dr. Nooryusmiza Yusof dan Timbalan Rektor Akademik dan Pengantarabangsaan TATIUC, Prof. Madya Dr. Rosliza Ramli.